

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TANAH PKPS (BERNAM RIVER AIRFIELD)

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan perundangan yang telah diambil terhadap syarikat tersebut?
- b) Apakah tanah tersebut sudah diambil kembali?
- c) Terangkan status atau kedudukan terkini tanah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tindakan perundangan sedang di peringkat mahkamah rayuan untuk penaksiran gantirugi.
- b) Tanah tersebut sudah diambil kembali oleh Yayasan Selangor.
- c) Tanah tersebut sedang disewakan untuk menjana pendapatan untuk Yayasan Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : ISU RUMAH URUT DI SELANGOR

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik tahun 2017 jumlah rumah urut tanpa lesen PBT dikesan dan diambil tindakan ?
- b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh PBT dan jabatan-jabatan kerajaan setakat ini?
- c) Apakah faktor dan sebab yang menyebabkan PBT kurang berkesan untuk menyelesaikan isu ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang berterusan oleh PBT Negeri Selangor, pada tahun 2017 didapati sebanyak **303 buah premis** rumah urut yang dikesan beroperasi tanpa lesen dan telah melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan Tahun 2013. Pecahan mengikut PBT seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Rumah Urut Yang Dikesan Beroperasi Tanpa Lesen Oleh PBT Bagi Tahun 2017
1.	MBSA	31 premis
2.	MBPJ	43 premis
3.	MPSJ	94 premis
4.	MPS	27 premis
5.	MPKj	34 premis
6.	MPK	49 premis

7.	MPAJ	9 premis
8.	MPSp	2 premis
9.	MDKS	11 premis
10.	MDKL	2 premis
11.	MDSB	Tiada
12.	MDHS	1 premis
Jumlah Keseluruhan		303 premis

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- b) Tindakan yang diambil oleh PBT bagi kesalahan melanggar syarat lesen premis selain menutup premis serta merta, PBT juga akan membatalkan lesen perniagaan serta tindakan sitaan ke atas peralatan perniagaan dan mengenakan kompaun kepada pengusaha di bawah Undang-Undang Kecil yang berkaitan. PBT juga sentiasa menjalankan pemantauan dan siasatan ke atas premis-premis khususnya premis yang menjalankan perniagaan pusat kecantikan dan kesihatan bagi memastikan pengusaha mematuhi syarat lesen di bawa UUK Pusat Kecantikan dan Kesihatan. Selain itu, agensi berkaitan seperti pihak Polis, Imigresen, Pejabat Tanah dan JAIS telah melakukan operasi bersepadu dari semasa ke semasa di kawasan hot spot yang sering kali berlakunya kegiatan pelacuran dan khidmat seks.
- c) Antara faktor dan sebab mengapa isu ini tidak dapat ditangani secara total adalah:-
- i) Undang-undang yang digunapakai di PBT adalah terhad, tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah kepada premis yang tidak mempunyai lesen perniagaan daripada pihak PBT;
 - ii) Denda yang dikenakan adalah rendah contohnya di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan Tahun 2007, mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan UUK ini apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi RM2000.00 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali; dan

- iii) Kebanjiran warga asing yang dilihat tidak dapat dikawal contohnya pelancong yang menyalah gunakan pas lawatan di negara ini bagi tujuan bekerja.

Dalam hal ini, PBT bukan satu-satunya agensi yang bertanggung jawab untuk menyelesaikan isu ini, malah agensi-agensi yang mempunyai bidang kuasa yang luas seperti PDRM dan Imigresen juga perlu dilibatkan. Sehubungan dengan itu, PBT serta agensi Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak PDRM dan Imigresen dalam menangani isu ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAMAN SEMULA KELAPA

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa keluasan tanah yang telah ditanam semula dgn tanaman kelapa mengikut daerah di negeri Selangor?
- b) Adakah kelewatan pelaksanaan projek tanaman semula kelapa dan sebab-sebab kelewatan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Keluasan tanaman semula kelapa adalah seluas 151.68 hektar. Pecahan keluasan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Keluasan (ha)
1	Klang	0.6
2	Kuala Selangor	53.4
3	Sabak Bernam	95.31
4	Kuala Langat	2.37
	JUMLAH	151.68

- b) Punca kelewatan pelaksanaan projek tanaman semula kelapa adalah kesukaran mendapatkan benih kelapa matag. Sehingga kini seluas 24 hektar kawasan tanaman semula kelapa di daerah Sabak Bernam masih belum menerima bekalan benih kelapa matang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PORTFOLIO PELANCONGAN

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci projek di bawah portfolio pelancongan pada 2017?
- b) Sejauh manakah pelaksanaan projek tersebut meningkatkan jumlah kehadiran pelancongan?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak **26 projek** di bawah portfolio pelancongan telah dijalankan untuk Tahun 2017 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM 1,225,957.42** mengikut perincian seperti yang berikut:-

Bil	Projek	Kawasan	Daerah	Agensi Pelaksana	Direct Grant mengikut SST (RM)
1	Kerja-kerja membaik pulih tandas awam dan lain-lain kerja yang berkaitan	Pantai Bagan Lalang	SEPANG	PDT Sepang	50,000.00
2	Kerja-kerja memasang papan tanda tunjuk arah dan papan tanda nama di Sungai Congkak mukim Hulu Langat	Sungai Congkak	HULU LANGAT	PDT Hulu Langat	5,000.00
3	Kerja-kerja membina Pentas Budaya Terbuka dan Menaik taraf tandas serta kerja-kerja berkaitan	Kelip-kelip Kg Kuantan	KUALA SELANGOR	MDKS	91,036.00
4	Kerja-kerja menaik taraf air terjun buatan	Bukit Malawati	KUALA SELANGOR	MDKS	46,195.00
5	Kerja-kerja menaik taraf Kolam Air Panas serta kerja-kerja yang berkaitan	Dusun Tua	HULU LANGAT	MPKJ	200,446.00

Bil	Projek	Kawasan	Daerah	Agensi Pelaksana	Direct Grant mengikut SST (RM)
6	Cadangan membina Arca Selamat Datang (Landmark)	Bukit Jugra	KUALA LANGAT	MDKL	27,285.67
7	Cadangan membina 'Bakau Trail' (Fasa 2)	Pantai Cunang, Tanjung Sepat	KUALA LANGAT	MDKL	43,388.00
8	Pemasangan papan tanda arah Muzium In-Situ Jugra	Jalan-jalan utama di Daerah Kuala Langat	KUALA LANGAT	MDKL	27,000.00
9	Cadangan menaik taraf Kolam Air Semulajadi di Pusat Terapi Semulajadi Hulu Tamu	Hulu Tamu. KKB	HULU SELANGOR	MDHS	172,485.00
10	Program Tanam Pokok Negeri Selangor 2017	Taman Alam, Kuala Selangor	KUALA SELANGOR	MDKS	95,000.00
11	Menaiktaraf Sistem Elektrik di Galeri Diraja Klang	Galeri Diraja, Klang	KLANG	MPK	169,200.00
12	Kerja-kerja membina papan tanda tunjuk arah di Pekan Sekinchan	Sekinchan	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
13	Kerja-kerja membina maklumat lokasi kawasan pelancongan (Map Information) di Pekan Sekinchan	Sekinchan	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
14	Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan di Pantai Redang, Sekinchan	Sekinchan	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
15	Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan di Pantai Batu 23, Sungai Nibong	Sungai Nibong	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00

Bil	Projek	Kawasan	Daerah	Agensi Pelaksana	Direct Grant mengikut SST (RM)
16	Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan di Sungai Hj. Dorani	Sungai Hj. Dorani	SABAK BERNAM	MDSB	19,900.00
17	Kerja-kerja membina Pusat Penerangan Pelancongan di Pejabat Majlis Daerah Sabak Bernam	Sungai Besar	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
18	Kerja-kerja membina papan tanda maklumat lokasi kawasan pelancongan (Map Information) di Pekan Sungai Besar	Sungai Besar	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
19	Kerja-kerja menaik taraf produk pelancongan di kawasan Pusat Memerhati Burung Enggang, Sungai Panjang	Sungai Panjang	SABAK BERNAM	MDSB	19,992.00
20	Kerja-kerja menaik taraf produk pelancongan di kawasan Pusat Konservasi Kelip-Kelip, Sungai Panjang	Sungai Panjang	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
21	Kerja-kerja membina papan tanda maklumat lokasi kawasan pelancongan (Map Information) di Pekan Sabak Bernam	Pekan Sabak Bernam	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
22	Kerja-kerja mengecat Menara Tinjau dan lain-lain kerja berkaitan di Waterfront Sabak Bernam	Pekan Sabak Bernam	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
23	Kerja-kerja membina wakaf dan menanam pokok di Pantai Sungai Burong, Sabak Bernam	Pantai Sungai Burong	SABAK BERNAM	MDSB	19,546.25
24	Kerja-kerja menaiktaraf lima (5) unit gazebo (wakaf) di Pantai Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	SABAK BERNAM	MDSB	19,783.50

Bil	Projek	Kawasan	Daerah	Agensi Pelaksana	Direct Grant mengikut SST (RM)
25	Kerja-kerja membekal dan memasang lampu di Pantai Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	SABAK BERNAM	MDSB	19,700.00
26	Kerja-kerja membina papan tanda tunjuk arah tempat pelancongan dan menanam pokok di Pantai Sungai Lang, Sabak Bernam	Pantai Sungai Lang	SABAK BERNAM	MDSB	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)					1,225,957.42

- b) Segala kemudahan dan infrastruktur di kawasan pelancongan yang telah dinaiktaraf memberikan impak yang positif terhadap meningkatkan jumlah kedatangan pelancong yang datang melancong ke Negeri Selangor. Merujuk kepada pengumpulan data statistik kedatangan pelancong ke Negeri Selangor untuk tahun 2017, jumlah kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa menunjukkan peningkatan sebanyak **2.02%**, iaitu sebanyak **7.43 juta pelancong** dengan resit pelancongan sebanyak **RM5.45 bilion** berbanding Tahun 2016.

Penganjuran acara pelancongan, siri promosi dalam dan luar Negara, kempen promosi pelancongan menggunakan platform media digital dan kempen pengiklanan secara berterusan juga memberi impak yang berkesan untuk menarik pelancong untuk datang dan melawat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan skim peduli sihat pada 2017.
- b) Nyatakan jumlah pemilik kad tersebut yang belum pernah menggunakannya.
- c) Nyatakan jumlah tuntutan bayaran dari klinik yang berdaftar pada 2017.

JAWAPAN:

Tuan Speaker,

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no 77 daripada YB Kuala Kubu Baru dan soalan no 84 daripada YB Sungai Panjang bagi soalan berkaitan Skim Peduli Sihat.

Program Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Pada masa ini, program sebegini hanya terdapat di negeri Selangor dan menjadikan ianya terunggul di Malaysia. Sehingga 18 Mac 2018, sebanyak 320,647 Kad Peduli Sihat telah berdaftar dengan anggaran seramai 1,282,588 orang penerima manfaat.

Sebanyak 983 klinik panel yang telah berdaftar bagi menjayakan Skim Peduli Sihat manakala 36 buah lagi masih menunggu kelulusan. Bilangan ini mendekati sasaran Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 1,000 klinik panel.

Sejak pelaksanaan Skim Peduli Sihat pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM17,432,265.99 bagi menampung kos rawatan di klinik panel. Sebanyak 387,742 kali rawatan telah diterima oleh pemegang kad Peduli Sihat. Terdapat sebanyak 241,744 kad masih belum pernah digunakan pada tahun 2018.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan penerima manfaat, bilangan klinik panel dan jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat mengikut pecahan DUN:

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N01 SUNGAI AIR TAWAR	3,198	(tiada klinik swasta)	353,924.10
N02 SABAK	2,786	3	217,417.20
N03 SUNGAI PANJANG	4,498	6	583,872.35
N04 SEKINCHAN	2,398	2	221,416.50
N05 HULU BERNAM	3,086	2	142,855.90
N06 KUALA KUBU BAHARU	2,083	6	160,786.90
N07 BATANG KALI	6,493	14	620,118.60
N08 SUNGAI BURONG	2,924	2	321,351.35
N09 PERMATANG	4,198	5	478,745.30
N10 BUKIT MELAWATI	3,838	3	567,586.00
N11 IJOK	1,966	5	233,526.80
N12 JERAM	4,265	10	479,579.65
N13 KUANG	4,147	7	368,236.40
N14 RAWANG	3,856	28	345,026.50
N15 TAMAN TEMPLER	3,417	12	302,967.95
N16 BATU CAVES	3,760	17	197,903.50
N17 GOMBAK SETIA	2,197	7	153,491.14

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N18 HULU KELANG	2,675	2	180,863.70
N19 BUKIT ANTARABANGSA	2,775	3	146,446.88
N20 LEMBAH JAYA	3,040	29	224,391.39
N21 CHEMPAKA	1,229	6	117,487.01
N22 TERATAI	1,917	2	87,760.25
N23 DUSUN TUA	2,205	9	146,660.70
N24 SEMENYIH	3,720	19	284,639.30
N25 KAJANG	2,826	38	225,159.00
N26 BANGI	3,068	26	302,350.02
N27 BALAKONG	1,336	10	115,215.25
N28 SERI KEMBANGAN	3,793	27	548,749.45
N29 SERI SERDANG	2,906	23	178,847.45
N30 KINRARA	2,575	34	192,022.55
N31 SUBANG JAYA	1,369	30	83,415.65
N32 SERI SETIA	3,213	18	373,377.85
N33 TAMAN MEDAN	3,382	18	379,400.35

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N34 BUKIT GASING	853	8	38,985.60
N35 KAMPUNG TUNKU	648	7	41,559.05
N36 DAMANSARA UTAMA	878	13	32,262.45
N37 BUKIT LANJAN	2,769	7	184,513.55
N38 PAYA JARAS	4,160	21	361,556.10
N39 KOTA DAMANSARA	2,829	28	177,865.76
N40 KOTA ANGGERIK	2,987	52	301,712.34
N41 BATU TIGA	3,274	29	323,668.72
N42 MERU	6,187	20	687,654.80
N43 SEMENTA	3,279	12	358,917.05
N44 SUNGAI PINANG	1,196	4	74,039.90
N45 SELAT KLANG	4,095	5	318,953.10
N46 PELABUHAN KLANG	2,439	26	297,106.45
N47 PANDAMARAN	3,127	6	343,790.50
N48 KOTA ALAM SHAH	1,664	7	63,978.98
N49 SERI ANDALAS	4,001	40	444,564.56
N50 SRI MUDA	2,269	31	205,359.50

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N51 SIJANGKANG	3,044	8	307,218.15
N52 TELOK DATOK	4,751	11	553,065.60
N53 MORIB	5,758	10	479,635.64
N54 TANJUNG SEPAT	4,858	4	639,805.19
N55 DENGKIL	4,639	17	657,403.15
N56 SUNGAI PELEK	4,107	7	689,389.40
KATEGORI KHAS / LUAR KAWASAN SELANGOR	145,696	187	513,667.51
JUMLAH KESELURUHAN	320,647	983	17,432,265.99

Menjawab kepada pertanyaan YB Kota Anggerik berkaitan pecahan penerima SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 18 Mac 2018:

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN
MELAYU	162,249	50.60%
CINA	96,121	29.98%
INDIA	59,718	18.62%
ORANG ASLI	589	0.18%
LAIN-LAIN	1,970	0.61%
JUMLAH	320,647	100.00%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BANJIR KILAT

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah banjir kilat yang telah dilaporkan di Selangor pada 2017.
- b) Nyatakan jumlah kerugian dan perbelanjaan Kerajaan Negeri akibat perkara tersebut.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah kejadian banjir kilat yang telah dilaporkan sepanjang tahun 2017 mengikut pecahan daerah di Selangor :

DAERAH	JUMLAH KEJADIAN YANG DILAPORKAN
HULU SELANGOR	14
SABAK BERNAM	6
KUALA SELANGOR	15
KLANG	52
PETALING	31
GOMBAK	56
HULU LANGAT	32
KUALA LANGAT	7
SEPANG	13
JUMLAH KESELURUHAN	226 KEJADIAN

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah membelanjakan sejumlah **RM351,156.30** untuk kegunaan sumbangan wang ihsan kepada mangsa-mangsa bencana banjir kilat yang layak. Selain itu juga, pada RMK-11, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukan sejumlah **RM95,000,000.00**

bagi projek menaiktaraf saluran melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bagi mengatasi banjir kilat. Walau bagaimanapun, maklumat jumlah kerugian akibat banjir kilat tiada dalam penilaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TANAH PENEROKA DI IJOK

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan dengan isu tanah yang melibatkan sekumpulan peneroka di Ijok kebelakangan ini, adakah kerajaan telah menerima saman pemula daripada pihak yang tidak puas hati dengan keputusan kerajaan?
- b) Adakah SPRM telah memulakan siasatan terhadap Kerajaan Selangor dan mana-mana agensinya yang terlibat?

JAWAPAN:

- a) Belum menerima saman pemula.
- b) Ya, SPRM telah hadir ke Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor pada 4.10.2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU TAPAK KLINIK KESIHATAN DENGKIL YANG BARU
BERSEBELAHAN DESA TIMAH LANGAT, DENGKIL**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa Kerajaan Negeri masih belum mengambil tindakan kepada pengusaha kilang yang beroperasi di tapak tersebut?
- b) Bilakah tindakan segera boleh diambil?

JAWAPAN:

(a) dan (b) bersekali

Untuk makluman YB Dengkil, tanah yang dimaksudkan telah diberimilik dan didaftarkan atas nama Persuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) pada 12 April 2013 melalui no. hakmilik PT48743, HS(D) 34951, Mukim Dengkil, Daerah Sepang seluas 1.974 hektar (4.8778 ekar). PDT Sepang telah dimaklumkan bahawa pemilik kilang tersebut (Chan Sam Meng) sedang mengadakan perbincangan bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah Sepang untuk cadangan 'land swapping' dan ianya masih lagi belum dimuktamadkan. Sekiranya perbincangan ditamatkan, PDT Sepang akan memberikan kerjasama dengan pihak PTP sama ada bagi tujuan 'land swapping' ataupun tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : LAWATAN Y.A.B. MENTERI BESAR KE LUAR NEGARA

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci lawatan YAB Menteri Besar ke luar negara pada 2017.
- b) Nyatakan secara terperinci semua kos lawatan termasuk pegawai pengiring.

JAWAPAN:

- a) Senarai lawatan, bilangan anggota dan kakitangan terlibat serta jumlah perbelanjaan bagi setiap lawatan melibatkan semua anggota MMKN bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

BIL.	LAWATAN	JUMLAH DELEGASI	KOS LAWATAN KESELURUHAN
1.	Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke Taiwan (Kaohsiung, Taiwan dan Taipei) 23 – 29 April 2017	17	RM252,200.00
2.	Lawatan Kerja Y.A.B. Dato' Menteri Besar Bertemu Para Pelajar Selangor di Mesir, Maghribi dan Jordan 30 April – 5 Mei 2017	12	RM331,150.00
3.	Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke Belgium dan Jerman (Brussels, Hamburg dan Munich) 13 – 19 Mei 2017	13	RM274,294.00
4.	Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke Eropah (Zurich, Stockholm dan Amsterdam) 21 Ogos – 1 September 2017	14	RM424,100.00

BIL.	LAWATAN	JUMLAH DELEGASI	KOS LAWATAN KESELURUHAN
5.	Lawatan Teknikal dan Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke Provinsi Guangdong, China (Guangzhou dan Shenzen) 20 – 23 September 2017	9	RM51,000.00
6.	Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke India (New Delhi, Hyderabad dan Chennai) 25 – 30 September 2017	8	RM194,800.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BEKALAN AIR TERAWAT DI TAMAN NAQSYABANDIAH

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan perkembangan terkini program pemasangan paip retikulasi yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri pada 2016 di Taman Naqsyabandiah.
- b) Apakah masalah sebenar yang menyebabkan projek itu belum dapat disiapkan?
- c) Berapakah kos yang diperuntukkan untuk kerja-kerja tersebut?

JAWAPAN:

- a) Rekabentuk terperinci bagi projek di Taman Naqsyabandiah tersebut telahpun disiapkan oleh juruperunding yang dilantik. Panggilan tender dijangka akan dibuat pada penghujung bulan Mac 2018 dan kerja-kerja dijangkakan bermula pada Ogos 2018.
- b) Kekurangan tekanan merupakan masalah yang dihadapi di Taman Naqsyabandiah sejak dahulu lagi. Air Selangor telah membuat kajian dan merancang kerja-kerja penaiktarafan sistem bekalan air secara berperingkat bagi taman ini.

Dalam fasa pertama, sebuah Tangki Menara telah dibina pada Ogos 2014 dalam kawasan Kolam Semenyih Lama.

Dalam fasa kedua, pam penggalak telah dipasang pada tahun 2017 bagi menggalakkan tekanan masuk ke Tangki Menara.

Kini, penaiktarafan tersebut telah masuk ke fasa ketiga di mana, sistem retikulasi akan ditukar sepenuhnya dan Tangki Menara lama yang berada di kawasan Taman Naqsyabandiah akan ditanggalkan bagi memastikan keseluruhan sistem berjalan lancar.

Walau bagaimanapun, beberapa rumah yang dibina lebih tinggi daripada Top Water Level Tangki Menara lama akan mengalami kekurangan tekanan kerana ianya dibina selepas kajian penaiktarafan dilakukan. Pengguna-pengguna ini dijangkakan perlu memasang pam penggalak individu di rumah masing-masing bagi menikmati tekanan air yang normal.

- c) Kos keseluruhan yang diperuntukkan bagi projek pemasangan paip retikulasi tersebut adalah sebanyak RM3.3 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan cukai premium tanah mampu dibayar oleh penama?
- b) Nyatakan jumlah permohonan pengurangan cukai tersebut dari 2015-2017 mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Terdapat pelbagai usaha yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan pemohon boleh membayar premium tanah yang dikenakan. Antara usaha tersebut adalah Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pemberimilikan Kediaman melalui pemakaian Pekeliling PTGS, Bilangan 6/2011 (**Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor**) yang menawarkan dua pilihan kaedah bayaran samada secara nominal RM1,000 atau diskaun 30% daripada bayaran premium yang dikenakan sekiranya dibayar dalam tempoh notis berkuatkuasa. Selain itu, selaras dengan moto Negeri Yang Berkebajikan, Kerajaan Negeri telah memberi pilihan kaedah bayaran kepada pemohon untuk menjelaskan bayaran premium melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bil 1/2016 (**Kaedah Pembayaran Premium Dan Premium Tambahan Ke Atas Kelulusan Permohonan Pemberimilikan Dan Pembangunan Tanah Di Negeri Selangor**) seperti berikut:-
 - i. Melanjutkan tempoh bayaran premium dan premium tambahan seperti jadual dibawah;

Pembayaran premium Notis Borang 5A	12 bulan
Pembayaran premium tambahan Notis Borang 7G	6 bulan + 1 bulan (tambahan caj 3%)

- ii. Pengurangan bayaran premium sehingga 40% melalui pemendekan tempoh pegangan pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun.
- b) Untuk makluman YB, PTG dan PTD tidak lagi memproses mana-mana permohonan pengurangan premium berdasarkan pemakaian Pekeliling Pekeliling PTGS, Bilangan 6/2011 (**Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor**).

MAKLUMAT TAMBAHAN

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan permohonan semakan semula pengiraan kadar premium tanah untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dari tahun 2015-2017 mengikut daerah adalah seperti berikut;

DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN
Petaling	4
Klang	10
Hulu Langat	7
Sepang	8
Gombak	5
Kuala Langat	3
Kuala Selangor	0
Sabak Bernam	0
Hulu Selangor	3
JUMLAH KESELURUHAN	40

Ini adalah selaras dengan pemakaian Pekeliling PTGS Bil. 1/2016, **'Kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan permohonan pemberimilikan dan pembangunan tanah di Negeri Selangor'** iaitu bagi permohonan pengurangan tempoh pajakan dan perlanjutan tempoh bayaran premium sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehilangan pendapatan dari bangunan tersebut dari 2015-2017.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi penyelenggaraan bangunan tersebut dari 2015-2017.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kehilangan pendapatan bangunan tersebut dari 2015- 2017 adalah **RM14.57juta.**
- b) Jumlah perbelanjaan bagi penyelenggaraan bangunan tersebut dari 2015-2017 seperti berikut:

TAHUN	RM'juta
2015	1.21
2016	1.07
2017	0.69

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBAHARUAN TEMPOH PAJAKAN TANAH KEDIAMAN

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik pembaharuan tempoh pajakan tanah di kawasan Bukit Gasing setiap tahun daripada 2013 - 2017?
- b) Berapa peratus yang mengambil skim premium tanah RM1000?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan statistik pembaharuan tempoh pajakan tanah di Kawasan Bukit Gasing:

TAHUN	JENIS SYARAT NYATA TANAH			
	KEDIAMAN	PERNIAGAAN	INDUSTRI	LAIN-LAIN
2013	64	2	4	1
2014	91	6	4	1
2015	42	2	3	1
2016	35	6	-	-
2017	59	2	4	1

b) Peratus yang mengambil skim premium tanah RM 1000 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PEMOHON YANG TELAH MENJELASKAN BAYARAN RM1000	PERATUS
2013	27	42.2%
2014	25	27.5%
2015	13	31%
2016	16	45.7%
2017	11	18.6%

Secara keseluruhan, peratusan yang mengambil skim premium tanah RM 1000 dari tahun 2013 hingga 2017 adalah 32 %.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PROSEDUR PENYELENGGARAN DAN PEMBAIKAN CERUN DAN
TEBING SUNGAI DALAM NEGERI**

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam kerja penyelenggaraan kerja pembaikan cerun yang berdekatan kawasan perumahan?
- b) Apakah prosedur Kerajaan dalam kerja penyelenggaraan dan pembaikan tebing sungai yang berdekatan kawasan perumahan?
- c) Berapakah tempoh masa untuk kelulusan kerja-kerja pembaikan cerun dan tebing sungai tersebut?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam kerja penyelenggaraan pembaikan cerun adalah dengan melakukan inventori pengumpulan data maklumat cerun-cerun di setiap PBT. Hasil daripada inventori tersebut cerun-cerun akan dipantau dalam masa dua (2) kali setahun atau sekali setahun mengikut keperluan dan cerun-cerun kritikal akan diselenggara dan dibaikpulihan. Notis pemakluman akan status cerun terjejas yang berada di dalam lot milik individu juga akan disampaikan untuk tindakan penyelenggaraan oleh individu berkaitan.
- b) Prosedur asas dalam kerja penyelenggaraan dan pembaikan tebing sungai yang berdekatan kawasan perumahan adalah pembinaan struktur seperti gabion wall, floodwall, L-shape, U-Drain dan juga Sand Mattress mengikut kepada kesesuaian kawasan berkenaan. Selain itu, terdapat juga kerja pembaikan bukan fizikal seperti penanaman rumput di tebing sungai.
- c) Tempoh masa untuk kelulusan kerja-kerja pembaikan cerun dan tebing sungai adalah dalam tempoh 3 hari setelah semakan tapak dijalankan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Prosedur perolehan bagi kerja sebutharga adalah seperti dibawah:

BIL.	PERKARA	TEMPOH
1.	LAWATAN TAPAK	1 hari
2.	PENYEDIAAN DOKUMEN PELAWAAN SEBUTHARGA, SENARAI KUANTITI, DAN PELAN LUKISAN	3-14 hari
3.	IKLAN ONLINE	3 hari
4.	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	1 hari
5.	PELAWAAN SEBUTHARGA	7 hari
6.	TUTUP SEBUTHARGA	1 hari
7.	PENYEDIAAN LAPORAN SEBUTHARGA	3-14 hari
8.	JAWATANKUASA SEBUTHARGA	3 hari
9.	PENYEDIAAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)	3 hari
10.	SERAH TAPAK	1 hari
	JUMLAH	26-48 hari

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : LRA SEMENYIH 2

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Loji Rawatan Air Semenyih 2 (LRAS2) sudah pun dirasmikan oleh YAB Dato Menteri Besar. Kawasan manakah agihan air dari loji ini disalurkan?
- b) Nyatakan peningkatan kos pembinaan LRA Semenyih 2.
- c) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan di LRA Semenyih 2.

JAWAPAN:

Pertanyaan ini telah dijawab bersekali dengan soalan No. 33 daripada Y.B. Sekinchan. Sila rujuk Hansard.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : MASALAH MONYET DAN ANJING LIAR DI PUNCAK ALAM

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) i) Bagi isu anjing liar, Pihak MDKS telah melantik kontraktor bagi kerja-kerja tangkapan di kawasan seliaan MDKS dimana sasaran yang ditetapkan sebulan bagi tangkapan adalah 200 ekor. Sebelum ini, kerja-kerja tangkapan anjing liar dilakukan secara inhouse oleh Pihak MDKS.
- ii) Isu monyet liar, di bawah seliaan MDKS, Pihak kami akan panjangkan pada Pihak Perhilitan, jika aduan diterima oleh kami. Pihak Perhilitan akan bekerjasama dengan MDKS, bagi ops bersepadu seperti meletakan perangkap monyet dan menembak monyet liar tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KES PAIP PECAH DAN KUALITI BEKALAN AIR

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes dan kos penyelenggaraan paip pecah mengikut wilayah sejak 2016.
- b) Apakah langkah-langkah diambil oleh Air Selangor bagi memastikan kualiti bekalan air tidak terjejas selepas berlaku kes paip pecah?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah kes dan kos yang terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan paip pecah dari tahun 2016 sehingga Januari 2018.

Bil.	Wilayah	2016		2017		2018 (Januari)	
		Kes	RM	Kes	RM	Kes	RM
1	Petaling	1,105	2,884,995.12	922	4,048,475.54	83	142,851.16
2	Klang	540	6,189,896.22	665	6,121,097.80	51	473,127.96
3	Gombak	754	2,286,546.25	827	2,322,255.62	54	127,532.47
4	Kuala Lumpur	853	2,783,249.46	680	2,959,711.97	62	405,176.34
5	Hulu Langat	651	3,303,225.10	832	2,601,431.79	55	242,631.85
6	Hulu Selangor	709	1,211,620.78	526	1,438,000.09	44	102,869.29
7	Sepang	315	1,090,149.53	269	758,941.65	16	58,038.54
8	Kuala Langat	381	820,697.42	375	964,624.16	24	78,963.45
9	Kuala Selangor	292	1,076,000.97	218	881,846.14	18	68,829.91
10	Sabak Bernam	182	1,009,537.18	84	733,681.11	1	70,252.97
JUMLAH		5,782	22,655,918.03	5,398	22,830,065.87	408	1,770,273.94

- b) Langkah-langkah yang diambil oleh Air Selangor bagi memastikan kualiti bekalan air tidak terjejas selepas berlaku paip pecah : i) melaksanakan kerja-kerja membersihkan air di dalam paip (flushing) yang akan dijalankan sebaik sahaja kerja pembaikan selesai. Selepas dari itu, (ii) ujian persampelan kualiti air akan dijalankan dengan parameter asas bagi menguji kekeruhan. Air akan disalurkan kepada pengguna selepas sahaja keputusan parameter yang diuji lulus dan melepasi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENGAKTIFAN TANGKI DAN KOLAM TERBENGKALAI

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pencapaian Air Selangor dalam usaha pengaktifan semula kolam dan tangki yang terbengkalai sebelum ini bersama dengan kos yang terbabit mengikut daerah masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Air Selangor telah mengenalpasti 144 buah Kolam Air dan 54 buah Rumah Pam yang tidak digunakan semasa pengambilalihan SYABAS. Air Selangor telahpun membuat perancangan untuk membaikpulih sebanyak 198 buah kolam air dan rumah pam sediaada dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 278.65 juta liter sehari (JLH) secara berperingkat dari tahun 2017 sehingga 2026 (10 tahun).

Bagi 3 tahun pertama, perancangannya adalah seperti berikut:

- Tahun 2017: Kerja-kerja membaikpulih 21 unit kolam air dan rumah pam tahun sebanyak RM20 juta.
- Tahun 2018: Kerja-kerja membaikpulih 15 unit kolam air dan rumah pam sebanyak RM10.6 juta.
- Tahun 2018/2019: Kerja-kerja membaikpulih 23 unit kolam air dan rumah pam sebanyak RM16.8 juta.

Senarai lokasi bagi membaikpulih bagi 21 unit Kolam Air dan Rumah Pam yang sedang dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2018 mengikut daerah adalah seperti berikut:

No.	Kolam Air / Kolam Sedut / Rumah Pam	Daerah
1	Kolam Hawthorden	Gombak
2	Tangki Menara Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	Hulu Langat
3	Tangki Menara Dusun Nanding	Hulu Langat
4	Tangki Menara Kesuma Baiduri	Hulu Langat
5	Kolam Air Sg Choh	Hulu Selangor
6	Kolam Menara MIEL Batang Kali	Hulu Selangor
7	Rumah Pam Alam Impian	Klang
8	Kolam Sedut Alam Impian	Klang
9	Kolam Menara Alam Impian	Klang
10	Kolam Seksyen 13B	Klang
11	Kolam Menara PKNS Taman Sri Putra	Kuala Langat
12	Kolam Air Bukit Tampoi	Kuala Langat
13	Kolam Sedut Pulau Carey	Kuala Langat
14	Kolam Imbangan Bukit Sentul	Kuala Lumpur
15	Rumah Pam, Kolam Sedut & Menara Tmn Dagang	Kuala Lumpur
16	Kolam Air Desa Petaling	Petaling
17	Kolam Sedut Kosmopleks	Sepang
18	Kolam Menara Kosmopleks	Sepang
19	Kolam Sedut Putra Prima	Sepang
20	Kolam Menara Putra Prima	Sepang
21	Kolam Air WR4 Putrajaya	Sepang

Program Pemuliharaan Semula Kolam Air dan Rumah Pam Yang Tidak Digunapakai oleh Air Selangor.

Program pemuliharaan rangkaian bekalan air merupakan program jangka sederhana yang mengambil masa tempoh 10 tahun merangkumi tiga (3) fasa pengoperasian.

Dalam tempoh 10 tahun ini, dianggarkan sebanyak 5.7% (893 Juta Liter) daripada pengguna yang mempunyai kapasiti simpanan kurang daripada 1 hari akan memperolehi kapasiti simpanan tambahan melebihi 1 hari. Kenaikan kapasiti simpanan ini dapat mengurangkan gangguan bekalan air tidak berjadual, dan seterusnya menjamin keselesaan pengguna dengan bekalan air yang berterusan.

Untuk makluman, Air Selangor mempunyai 2,224 aset yang terdiri daripada 1,573 buah kolam dan 651 buah rumah pam. Sehingga kini, sebanyak 59 buah kolam dan rumah pam telah dikenalpasti untuk dibuat pemuliharaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Peruntukan Belanjawan dan Status Pelaksanaan Kerja 2017 & 2018

No	Program/ Projek	Kuantiti (Nos)	Wilayah Terlibat	Kos (RM)	Status
1	<i>Rehabilitation unused reservoir & pump house - Package 1 – 6</i>	21	<p><u>Pakej 1</u></p> <p>Kuala Lumpur</p> <p>Gombak</p> <p>Klang</p> <p><u>Pakej 2</u></p> <p>Kuala Lumpur</p>	20 juta	<p><u>Pakej 1</u></p> <p>Telah dianugerahkan pada 10/10/2017</p> <p><u>Pakej 3</u></p> <p>Telah dianugerahkan pada 11/12/2017</p>

No	Program/ Projek	Kuantiti (Nos)	Wilayah Terlibat	Kos (RM)	Status
			<p>Hulu Selangor</p> <p><u>Pakej 3</u></p> <p>Hulu Langat</p> <p>Kuala Langat</p> <p><u>Pakej 4</u></p> <p>Klang</p> <p>Sepang</p> <p>Hulu Langat</p> <p><u>Pakej 5</u></p> <p>Klang</p> <p>Kuala Lumpur</p> <p>Petaling</p> <p><u>Pakej 6</u></p> <p>Sepang</p>		<p><u>Pakej 2 & 4</u></p> <p>Telah dianugerahkan pada 12/12/2017</p> <p><u>Pakej 5</u></p> <p>Telah dianugerahkan pada 21/11/2017</p> <p><u>Pakej 6</u></p> <p>Telah dianugerahkan pada 15/11/2017</p> <p>Dijangka semua pakej ini akan siap pada Disember 2018.</p>
2	<p><i>Rehabilitation unused reservoir & pump house -</i></p> <p>Package 7 - 11</p>	15	<p>Kuala Lumpur</p> <p>Hulu Langat</p> <p>Gombak</p> <p>Petaling</p>	10 juta	<p>Tender telah dibuka pada 23/01/2018</p> <p>Pakej 7-11 akan dianugerahkan pada bulan April 2018.</p>

No	Program/ Projek	Kuantiti (Nos)	Wilayah Terlibat	Kos (RM)	Status
					Dijangka Siap pada Mac 2019
3	<i>Rehabilitation unused reservoir & pump house (2018)</i>	23	Klang Hulu Langat Sepang Kuala Langat Petaling	16.83 juta	Dalam peringkat penilaian, rekabentuk dan dokumen tender Dijangka akan ditender pada bulan Julai 2018. Dijangka Siap pada September 2019
Jumlah		59		46.83 juta	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM TAHUN 2016 DAN TAHUN 2017

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah permohonan pemutihan kilang haram pada Tahun 2016 dan Tahun 2017 di Selangor.
- b) Berikan sebab-sebab mengapa permohonan ditolak, walaupun hasrat Kerajaan ingin membantu pengusaha kilang menyelesaikan isu ini?
- c) Nyatakan butir-butir terperinci senarai nama permohonan dan lokasi (kawasan DUN).

JAWAPAN:

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) bermula pada Julai 2006 dan telah dilanjutkan sebanyak enam (6) kali. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak lagi menerima permohonan selepas tamatnya PPKTK pada 31 Disember 2015. Pemilik berdaftar tanah dan pemilik kilang dikehendaki membuat permohonan mengikut peraturan sedia ada.
- b) Sepanjang tempoh PPKTK selama hampir 10 tahun, terdapat permohonan yang pernah ditolak. Antara alasan permohonan ditolak adalah disebabkan oleh percanggahan zoning dan permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat teknikal minima yang ditetapkan oleh PBT. Terdapat juga permohonan yang tidak disokong oleh Agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar di atas alasan aktiviti yang dijalankan tidak bersesuaian dengan kawasan persekitaran, aktiviti yang membahayakan penduduk setempat dan sebagainya.
- c) Statistik kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Permohonan Tukar Syarat					Premium Tambahan (Rm)	
			Lot	Kilang	Bil. Permohonan	Lulus	Tolak	Batal	Belum Memohon	Dibayar	Belum Dibayar
1.	PETALING	MBSA	787	817	753	731	6	16	34	72,604,562.34	59,477,346.00
		MBPJ	20	20	0	0	0	0	20	0.00	0.00
		MPSJ	145	252	81	77	4	0	61	16,755,431.00	1,131,770.00
2.	KLANG	MBSA	226	227	178	134	7	37	571	29,428,170.10	2,380,937.00
		MPK	535	621							
3.	HULU LANGAT	MPKj	351	428	170	169	18	4	181	51,179,214.80	-
		MPAJ									
4.	GOMBAK	MPAJ	0	0	43	28	1	14	94	5,528,344.05	341,305.00
		MPS	137	157							
5.	SEPANG	MPSp	64	55	2	1	0	1	55	133,256.25	-
6.	KUALA LANGAT	MDKL	177	197	92	73	15	4	78	8,450,882.00	1,982,512.00
7.	KUALA SELANGOR	MDKS	34	149	4	1	0	3	27	303,262.00	-
8.	HULU SELANGOR	MDHS	23	53	11	5	3	3	11	810,845.00	-
9.	SABAK BERNAM	MDSB	24	22	12	4	6	2	22	490,009.00	-
Jumlah			2,523	2,998	1,346	1,223	60	97	1,154	185,683,976.54	65,313,870.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ISU PENDUDUK DI BUKIT DAMAR

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa pihak Majlis Perbandaran Sepang tidak dapat menyelesaikan isu jalan sambungan kekawasan ini daripada Cyberjaya?
- b) Mengapakah pihak berkuasa negeri tidak dapat menyelesaikan masalah kecurian tanah yang berleluasa dikawasan ini?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap aktiviti pelupusan sampah haram dikawasan ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah menyediakan Pelan Induk Infrastruktur Bukit Damar yang melibatkan keluasan 1,013.03 Ekar yang akan diaplikasikan / dilaksanakan melalui kelulusan pelan pembangunan di kawasan lot tersebut. Rangkaian jalan - jalan tersebut akan bersambung ke jalan utama iaitu jalan sambungan Persiaran Selatan ke ELITE Highway yang mana pihak Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan pembinaan jalan tersebut kepada pihak GAMUDA SDN BHD, di bahagian utara. Manakala di bahagian selatan pula, rangkaian jalan - jalan tersebut akan bersambung ke jalan utama ke Cyber South.
- b) Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah mengadakan satu operasi bersama - sama Pihak Pejabat Tanah / Daerah Sepang bagi memantau dan menyemak aktiviti - aktiviti kerja pengeluaran tanah di kawasan Bukit Damar ini. Untuk makluman, hasil semakan mendapati kawasan / lot tersebut tidak memiliki apa - apa kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Sepang. Oleh itu, tindakan yang dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Sepang adalah dengan mengeluarkan Notis Arahan Berhenti Kerja dan Juga Notis Kesalahan serta pengeluaran kompuan ke atas lot - lot tersebut kerana menjalankan kerja - kerja tanah tanpa kelulusan Pihak Majlis Perbandaran Sepang. Selain itu, tindakan sitaan juga dilakukan kepada jentera - jentera yang terlibat.

c)

- i) Jabatan Penguatkuasa MPSepang telah membuat lawatan tapak bersama agensi terlibat seperti Pejabat Daerah/ Tanah Sepang, Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan dalaman MPSepang;
- ii) Tindakan Majlis Perbandaran Sepang berkaitan perlupusan sampah haram ialah dengan menguatkuasakan tindakan sitaan sebanyak 26 sitaan dicatatkan sehingga Mac 2018;
- iii) Setiap Agensi disarankan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang berkaitan; dan
- iv) Jabatan Penguatkuasa sentiasa membuat pemantauan dan sitaan lori di lokasi secara berterusan sehingga kini.